



1,500 warga UMP sambut raya bersama Tengku Mahkota Pahang

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil 'Allallah Sultan Iskandar al-Haj berangkat bercemar duli meraikan sambutan Hari Raya Aidil Fitri bersama 1,500 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan pada 28 Julai 2016 yang lalu.

Majlis dihadiri Pengurus Lembaga Pengaruh UMP, Dato' Sri Mohd. Hilmy Mohd. Taib dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam ucapannya turut menyampaikan tentang perkembangan UMP yang bertemakan 'Memasyarakatkan Teknologi', Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang memberi tumpuan kepada aspek peranan universiti ini dalam mentransformasi masyarakat sejagat melalui kelebihan dan kepakaran teknikal yang dimilikinya dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi.

"Peranan tersebut tidaklah hanya terbatas kepada sumbangan perkhidmatan UMP kepada masyarakat tempatan semata-mata, tetapi warga universiti turut komited untuk membawa kepakaran teknologi tersebut untuk manfaat masyarakat yang

kurang bernasib baik di luar Malaysia melalui projek-projek Inovasi Sosial Korporat atau *Corporate Social Innovation* (CSI) yang diterajui oleh pelbagai Pusat Tanggungjawab dan pertubuhan mahasiswa di universiti ini.

"Pada yang sama, tumpuan juga terus diberikan secara khusus oleh warga kerja UMP untuk memberikan pengalaman kampus yang terbaik kepada para mahasiswa universiti ini, khususnya dalam konteks kebajikan dan kesejahteraan mereka, termasuklah tatkala menjalani ibadah puasa baru-baru ini.

"UMP juga telah berupaya melaksanakan program Ifthar Jamaie di kampus Pekan dan Gambang sepanjang bulan Ramadan baru-baru ini untuk manfaat para mahasiswa dan warga kampus yang lain dengan keseluruhan perbelanjaan bagi majlis berbuka puasa pada bulan Ramadan lalu berjumlah RM 90,000 dibayai sepenuhnya daripada Tabung Ramadan UMP melalui inisiatif *MyGift* UMP dan tajaan para dermawan," katanya.

Inisiatif *MyGift* ini turut meliputi Endowmen Kursi, Biasiswa Pelajar, Makmal/Kemudahan serta Tabung Wakaf, Komuniti, Masjid, Bencana, Ramadhan dan Sumbangan Tidak Patuh Syariah serta lebih banyak lagi inisiatif yang berkaitan dapat dirintis oleh UMP bagi manfaat warganya dan masyarakat sejagat melalui pelbagai ruang dan peluang

yang tersedia.

Dalam majlis itu juga, Tengku Abdullah turut mengurniakan sumbangan duit raya kepada seramai 100 orang dalam kalangan asnaf, anak yatim dan hadir yang hadir memeriahkan sambutan yang antaranya dari Rumah Anak Yatim Permata Al-Kauthar dan Madrasah al-Quran To' Alim Kampung Bentan.

